



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 15 MEI 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	BERAS PUTIH IMPORT TURUN HARGA HARI INI, NASIONAL, SH-11 HARGA BERAS PUTIH IMPORT TURUN KEPADA RM2,600 SATU TAN, NASIONAL, BH-7 PRICE OF IMPORTED WHITE RICE REDUCED FROM TODAY, NATION, THE STAR-4	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
4.	KELANTAN PENERAJU INDUSTRI DAGING WAHYU, NEGERI, SH-23	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
5. 6. 7. 8. 9. 10. 11. 12.	HADIRI SESI LIBAT URUS, LOKAL, HM-16 PM URGES MODERN SYSTEMS TO FACILITATE OVERSEAS VOTING, NATIONAL, THE SUN-2 FUTURE TRADE WITH RUSSIA HOLDS PROMISE: MINISTER, NATIONAL, THE SUN-2 ANWAR MEETS PUTIN, TOP RUSSIA EXECS, NATION, NST-2 PUTTING PLANS INTO CONCRETE ACTION, NATION, THE STAR-2 DISEASE BEHIND SKY-HIGH PORK PRICES, NATION, THE STAR-12 SISTEM PENGAIRAN SAWAH KLEBANG DIBINA HUJUNG TAHUN INI, DALAM NEGERI, UM-29 TINGGAL KERJA PELANTAR DEMI TANAM PERIA, NEGARA, KOSMO-16	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/5/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	11

Beras putih import turun harga hari ini


Diselaraskan kepada RM2,600 per metrik tan, langkah proaktif KPKM pastikan bekalan stabil, mampu milik

Oleh **TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN PUTRAJAYA**

Harga beras putih import diselaraskan kepada RM2,600 per metrik tan di semua pintu gudang Padiberas Nasional Berhad (Bernas) berkuat kuasa pada Khamis.

Menerusi kenyataan, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, tindakan tersebut merupakan pelarasan kali kedua selepas penurunan harga pada 1 Disember tahun lalu daripada RM3,000 kepada RM2,800 per metrik tan.

"Pelarasan ini adalah hasil sesi libat urus bersama Bernas dengan mengambil kira pelbagai faktor semasa termasuk perkembangan pasaran global serta keperluan menjamin kelangsungan rantaian



Harga beras putih import diselaraskan kepada RM2,600 per metrik tan berkuat kuasa pada Khamis. - Gambar hiasan



MOHAMAD

bekalan makanan negara.

"Program subsidi beras putih import bagi Sabah dan Sarawak akan diteruskan seperti biasa," katanya pada Rabu.

Menurutnya, langkah proaktif tersebut mencerminkan komitmen berterusan kerajaan Madani yang berteraskan prinsip keprihatinan dan kesejahteraan rakyat untuk memastikan makanan ruji negara

kekal mampu milik, mudah diperoleh, dan sentiasa mencukupi.

"Kejayaan ini adalah hasil pendekatan strategik Bernas dalam mempelbagaikan sumber bekalan beras dari pelbagai negara seperti Vietnam, Thailand, dan Myanmar, seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada satu pasaran tunggal," jelasnya.

Tambahnya, KPKM akan terus memantau perkembangan pasaran dan memastikan dasar yang digariskan kekal berpaksi-kan kepentingan rakyat serta keterjaminan makanan negara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/5/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	7

Harga beras putih import turun kepada RM2,600 satu tan

Pelarasan sebagai langkah proaktif jamin kestabilan bekalan, kurangkan kos sara hidup

Oleh Ilah Hafiz Aziz
ilahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Harga beras putih import yang dibekalkan oleh gudang Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) di seluruh negara akan diselaraskan kepada RM2,600 per tan mulai hari ini.

Pelarasan itu adalah yang kedua selepas penurunan pertama daripada RM3,000 kepada RM2,800 per tan pada 1 Disember 2024.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata pelarasan harga beras putih import di seluruh negara sebagai langkah proaktif untuk terus menjamin kestabilan bekalan serta mengurangkan tekanan kos sara hidup rakyat.

Pendekatan strategik

Beliau berkata, pelarasan itu adalah hasil sesi libat urus bersama BERNAS dengan mengambil kira pelbagai faktor semasa, termasuk perkembangan pasaran global serta keperluan menjamin kelangsungan rantaian bekalan makanan negara.



Pelarasan harga beras putih import di seluruh negara bantu ringan beban kos sara hidup rakyat. (Foto fail NSTP)

“Kejayaan ini hasil pendekatan strategik BERNAS dalam mempelbagaikan sumber bekalan beras daripada pelbagai negara seperti Vietnam, Thailand dan Myanmar, seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada satu pasaran tunggal.

“Kementerian akan terus memantau perkembangan pasaran dan memastikan dasar yang digariskan kekal berpaksikan kepentingan rakyat dan keterjaminan makanan negara,” katanya melalui kenyataan semalam.

Dalam pada itu, Mohamad berkata kementerian turut memutuskan untuk meneruskan seperti biasa program subsidi beras putih import oleh Kerajaan Persekutuan bagi Sabah dan Sarawak.

“Langkah ini jelas mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan MADANI yang berteraskan prinsip keprihatinan dan kesejahteraan rakyat untuk memastikan makanan ruji negara kekal mampu milik, mudah diperolehi dan sentiasa mencukupi,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/5/2025	THE STAR	NATION	4

Price of imported white rice reduced from today

PETALING JAYA: The price of imported white rice (BPI) nationwide will be set to RM2,600 per tonne from today.

Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu (*pic*) said the price reduction followed a meeting with Padiberas Nasional Bhd (Bernas), considering global market updates and the nation's food supply chain.

"This is the second price adjustment after the Dec 1, 2024, reduc-

tion, which went from RM3,000 to RM2,800 per tonne.

"At the same time, the BPI subsidy programme by the government for Sabah and Sarawak will continue," he said yesterday.

He added that the reduction resulted from strategic approaches by Bernas in sourcing rice from various countries such as Vietnam, Thailand and Myanmar, rather than relying on a single market.

"The ministry will continue to

monitor market movement and ensure policies remain focused on the needs of the people and food security," he said.

Prior to Dec 1, 2024, the last price reduction was made in March last year, where Bernas reduced the BPI price from RM3,200 to RM3,000 per tonne in Peninsular Malaysia.

Malaysia continues to offer one of the lowest prices for imported rice in South-East Asia.





Tuan Mohd Saripudin (enam dari kiri) berharap Kelgyu dapat menjadi peneraju utama produk wagyu tempatan khususnya di Kelantan.

Kelantan peneraju industri daging wagyu

Permintaan daging wagyu semakin meningkat dalam kalangan pengusaha restoran mewah

Oleh HAZELEN LIANA
KAMARUDIN
KOTA BHARU

Kelantan bakal menjadi peneraju industri daging wagyu apabila pusat ternakan Lembu Wagyu Kelantan (Kelgyu) milik Kelfarm Sdn Bhd membuka cawangan baharu di Seribong, Limbat di sini.

Exco Pertanian, Industri Agro Makanan dan Komoditi, Datuk Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, pembangunan pusat ternakan tersebut merangkumi pembinaan kandang lembu tertutup berkapasiti antara 120 hingga 150 ekor.

"Selain itu, pusat ini boleh menumpukan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) mampan bagi penghasilan lembu wagyu tempatan.

"Permintaan terhadap daging wagyu semakin meningkat dalam kalangan pengusaha restoran mewah, bahkan turut mendapat sambutan dalam kalangan pengguna domestik yang semakin mengutamakan daging berkualiti tinggi daripada sumber tempatan," katanya dalam satu hantaran di Facebook pada Rabu.



Kelantan bakal menjadi peneraju industri daging wagyu apabila pusat ternakan Kelgyu milik Kelfarm Sdn Bhd membuka cawangan baharu di Seribong, Limbat di Kota Bharu.

Menurut beliau, Kelgyu diharap dapat menjadi peneraju utama dalam memperkukuh kedudukan produk wagyu tempatan di pasaran, khususnya di Kelantan.

Ujarnya, inisiatif berkenaan merupakan sebahagian daripada projek di bawah Program Pengukuhan Keterjaminan Makanan Tahun 2024 yang menekankan pengoptimuman penggunaan tanah.

Tuan Mohd Saripudin memberitahu, projek itu dilaksanakan dengan kerjasama kerajaan negeri, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) serta penglibatan strategik Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan (JPVKN).

Sinar Harian sebelum ini melaporkan Jajahan Bachok menjadi perintis ternakan lembu baka wagyu apabila

ia diusahakan secara intensif.

Ini dapat dilihat apabila 15 lembu baka tersebut berjaya dibiakkan di Kampung Seneng, Jelawat.

Menurut Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, negara bakal mempunyai ternakan lembu baka wagyu sendiri selepas Jepun, Australia dan Thailand kerana mempunyai potensi cerah jika diusahakan secara bersungguh-sungguh serta sistematik.

Menurut beliau, semua pihak termasuk agensi pusat dan negeri perlu bekerjasama dalam membantu mengembangkan lagi usaha ini.

"Usaha dijalankan secara intensif di Jelawat ini mampu berkembang dengan bantuan sains serta teknologi.

"Hal ini kerana ternakan ini memerlukan penjagaan sepenuh masa," katanya.

Orang ramai yang ingin membuat sebarang aduan atau melaporkan masalah dihadapi boleh berbuat demikian dengan menghantar mesej ke aplikasi WhatsApp menerusi nombor telefon **019-2650823** atau e-mel aduan@sinarharian.com.my selain hubungi talian **03-61017469**

**10 pagi hingga
8 malam setiap hari**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/5/2025	HARIAN METRO	LOKAL	16



ANWAR mengetuai rombongan Malaysia menghadiri mesyuarat meja bulat bersama pemimpin industri sempena lawatan rasmi empat hari ke Rusia.

LAWATAN RASMI PM KE RUSIA

Hadiri sesi libat urus

Oleh Muhammed Ahmad Hamdan
am@hmetro.com.my

Moscow

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim meneruskan hari kedua lawatan rasmi beliau ke Rusia dengan menghadiri beberapa sesi libat urus peringkat tinggi bertujuan memperkukuh hubungan perdagangan serta kerjasama strategik dengan Moscow.

Semalam, beliau memulakan jadual dengan menghadiri sesi meja bulat ber-

sama pemimpin industri Rusia di Hotel Metropol membabitkan penyertaan 24 syarikat utama serta dua majlis perniagaan.

Perbincangan memberi tumpuan kepada potensi kerjasama dalam sektor pertanian, teknologi, logistik, pembuatan dan perkhidmatan kewangan.

Lawatan beliau diiringi lima menteri termasuk Menteri Luar Datuk Seri Mohamad Hasan, Menteri Perladangan dan Komoditi Datuk Seri Johari Abdul Ghani serta Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir.

Turut serta ialah Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Chang Lih Kang.

Selepas sesi meja bulat, beliau dijadualkan mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Rusia Mikhail Mishustin di Rumah Kerajaan bagi membincangkan usaha kemudahan perdagangan, pendidikan dan kerjasama ekonomi.

Delegasi Malaysia kemudian ke Istana Grand Kremlin untuk pertemuan penting dengan Presiden Vladimir Putin.

Perbincangan dijangka meliputi pertukaran teknologi, tenaga dan keselamatan makanan, pendidikan tinggi, ekonomi halal dan kerjasama pelbagai hala termasuk penglibatan Malaysia dalam Brics dan Global South.

Sebagai penutup jadual semalam, Anwar mengadakan pertemuan dengan Mufti Besar Sheikh Ravil Gaynutdin yang juga Pengerusi Majlis Mufti Rusia sekali gus menyerlahkan komitmen Malaysia dalam memperkukuh hubungan dengan institusi Islam di peringkat global.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/5/2025	THE SUN	NATIONAL	2

PM urges **modern systems** to facilitate overseas voting

► There are advanced technologies available, we must leverage such tools to streamline, strengthen the process: Anwar

MOSCOW: Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim has assured that the voting process for Malaysians living abroad will be improved, ensuring that all eligible voters can exercise their democratic rights without unnecessary obstacles.

He acknowledged that there are eligible voters, including students overseas, who have been unable to cast their votes due to the complicated voting procedures abroad, particularly in countries like Russia.

"There are advanced systems and technologies available now, and we must leverage these tools to streamline and strengthen the overseas voting process.

"I understand that the Election Commission is an independent body, but why can't it ensure that every Malaysian, no matter where they are in the world, can vote?"

"We have submitted our views and proposals to the commission. We will make sure that before the next general election, a proper and accessible process is in place," Anwar said during a question-and-answer session with Malaysians in Russia, held as part of his official visit to the country beginning Tuesday.

Anwar was responding to concerns shared by Malaysian students in Russia, who highlighted the challenges they faced in

voting and accessing government-related election websites from abroad.

The prime minister arrived in Moscow for a four-day official visit on Tuesday, receiving an official guard-of-honour upon landing at Vnukovo-2 International Airport at 6.26pm local time (11.26pm Malaysian time).

His official visit, at the invitation of Russian President Vladimir Putin, runs until May 16 and includes engagements in both Moscow and Kazan, Tatarstan.

Anwar, who is also finance minister, is leading a high-level delegation comprising Foreign Minister Datuk Seri Mohamad Hasan, Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu, Science, Technology and Innovation Minister Chang Lih Kang, Higher Education Minister Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir, and Plantation and Commodities Minister Datuk Seri Johari Abdul Ghani. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/5/2025	THE SUN	NATIONAL	2

Future trade with Russia holds promise: Minister

MOSCOW: Malaysia must be prepared to seize emerging opportunities in trade and cooperation, particularly if geopolitical tensions between Russia and the United States ease in the future, Foreign Minister Datuk Seri Mohamad Hasan said.

He said Russia presents vast untapped opportunities due to its diverse resources and technological strengths, including in agriculture and other sectors.

"Malaysia and Russia have long-standing relations, but they haven't flourished as much as they could have due to unilateral sanctions imposed on Russia by the US.

"There is much potential here, and we must be ready to explore the opportunities. Should US-Russia relations improve, we need to be positioned to benefit from it.

"Washington's current approach differs from (administrations) before, and I believe if ties normalise, Malaysia stands to gain significantly," he said when speaking at a dinner with Malaysians on Tuesday.

He also encouraged Malaysian students in Russia to uphold the nation's good name and return to contribute to Malaysia, particularly in critical sectors such as medicine and engineering, upon completing their studies.

The dinner was held in conjunction with Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim's visit to Russia. Also present were Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu, Science, Technology and Innovation Minister Chang Lih Kang, Higher Education Minister Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir and Plantation and Commodities Minister Datuk Seri Johari Abdul Ghani.

In his speech, Chang stressed the importance of skilled talent to drive Malaysia's ambition of becoming a high-tech nation by 2030.

"With global uncertainties, it's a challenge to attract high-quality, technology-driven and capital-intensive investments. We need a highly skilled workforce, both locally and

from Malaysians abroad, like all of you here."

Mohamad Sabu, meanwhile, emphasised the importance of food security, urging students abroad to explore and adopt modern and innovative technologies to ensure sufficient food supply in Malaysia.

"Take China as an example. They have made great strides in agricultural and technological innovation and are now capable of competing with other global powers."

In his brief speech, Johari informed that he has been appointed as coordinating minister for Russia, a role aimed at facilitating trade engagement with Russia amidst ongoing sanctions.

Zambry, when met by reporters said the Higher Education Blueprint 2025-2035, aimed at transforming Malaysia's higher education system to align with current technological and global trends, is expected to be launched by the end of the year. — Bernama



Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim and the Malaysian delegation attending a roundtable with Russian business leaders in Moscow yesterday. BERNAMA PIC

HIGH-LEVEL ENGAGEMENTS

ANWAR MEETS PUTIN, TOP RUSSIA EXECS

PM discusses collaboration in sectors including agriculture, tech, logistics and finance



MUHAMMED
AHMAD
HAMDAN

MOSCOW

PRIME Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim spent his second day in Russia attending a series of high-level engagements aimed at strengthening trade and strategic ties with Moscow.

The highlight of the day, of course, was his meeting with Russian President Vladimir Putin at the Kremlin.

He began yesterday with a roundtable with executives from 24 major Russian companies and two business councils at the historic Metropol Hotel here.

Talks focused on potential collaboration in areas such as agriculture, technology, logistics, manufacturing and financial services.

Anwar is accompanied on this trip by five ministers, including Foreign Minister Datuk Seri Mohamad Hasan, Plantation and Commodities Minister Datuk Seri Johari Abdul Ghani and Higher Education Minister Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir.

Following the business session, the prime minister met his Russian counterpart, Mikhail Mishustin, at the House of Government.

The two leaders discussed

trade facilitation, education and broader economic cooperation.

Later, the Malaysian delegation, which also includes Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu and Science, Technology and Innovation Minister Chang Lih Kang, headed to the Kremlin for the key meeting with Putin.

Talks covered technology exchange, energy and food security, higher education, the halal economy and multilateral collaboration.

At press time, Anwar was also scheduled to meet Grand Mufti Sheikh Ravil Gaynutdin, chairman of Russia's Council of Muftis.

At a dinner with Malaysians in Russia on Tuesday night, Anwar pledged to simplify the voting process for Malaysians abroad, especially students, before the next general election.

He said he had raised the matter with the Election Commission.

However, he said the commission was an independent body and the government could not interfere in its operations.

Anwar said he supported efforts to ensure all Malaysians, regardless of where they resided,

could exercise their democratic right.

"I have raised this matter with the commission. Why can't we ensure that every citizen, no matter where they are, is able to fulfil their right to vote?" he said during a question-and-answer session at the event.

Anwar said technological advancements could make the voting more accessible and secure, citing options such as facial recognition and blockchain to maintain the integrity of the process.

"With today's advanced platforms, the process must be more rigorous. Blockchain technology, for example, can track the voting process from start to finish and prevent tampering," he said.

The prime minister was responding to a question from final-year medical student Ahmad Hamizan Hadi Ahmad Hakimi of Kursk State Medical University.

Hamizan said he and many of the 345 Malaysian students at the university were unable to vote in the last general election due to the distance between their campus and the Malaysian embassy here.

Anwar said the concern was valid and needed to be addressed to prevent Malaysians abroad from being disenfranchised.

"We will make sure that before the next general election, a process is in place to make voting more convenient. If not, millions of our young people overseas could lose their right to vote.

"Technically, they can still vote by going to the embassy, but that process is unnecessarily burdensome."

Putting plans into concrete action

Malaysia seeks Putin's support to expedite projects across various sectors

By RAHIMY RAHIM
rahimy@thestar.com.my

PETALING JAYA: Malaysia is seeking Russian President Vladimir Putin's personal support to expedite collaborative projects across various sectors – including trade, investments, energy transition, military and the nuclear sector – to help strengthen bilateral ties, says Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Expressing his gratitude to the Russian leader for the rare honour of meeting and discussing comprehensive issues to elevate bilateral ties to a significantly higher level, the Prime Minister said both sides have taken the position to ensure their collaboration covers all fields.

"We are now trying to execute the plans... I seek your personal support that this collaboration can be actualised as soon as possible," Anwar said during his meeting with Putin at the Kremlin in Moscow yesterday.

The Prime Minister described Russia as a great friend of Malaysia and that its President commanded great respect among Malaysians.


During his visit, Anwar said he met with business communities and captains of industries as well as Russia's top leaders.

He said Putin had met many important leaders over the last few weeks.

"I sympathise with you but I wish you well and I am looking forward to the next few days," he told the Russian leader.

Leading a delegation of over 70 officials, Anwar arrived in the Russian capital on Tuesday to begin his four-day visit to Russia at the invitation of Putin.

Upon landing at the Vnukovo-2 International Airport, the Prime Minister was welcomed with a



High-level meet: Anwar in discussions with Putin at the Kremlin in Moscow. Alongside them are Cabinet members of both countries. – Bernama

WATCH THE
VIDEO
TheStarTV.com



guard of honour.

The visit marks Anwar's second trip to Russia in eight months and the first by a Malaysian prime minister in nearly two decades.

It is aimed at strengthening bilateral ties, boosting economic cooperation and enhancing Malaysia's engagement with the Islamic world, particularly through platforms like the Kazan Forum 2025.

The Kremlin talks are viewed as a pivotal moment in advancing Malaysia-Russia relations amid shifting geopolitical alignments and growing interest in South-South cooperation.

Putin called Malaysia a reliable and important partner of Russia.

"Dear Mr Prime Minister, dear friends, allow me to cordially welcome you to Moscow. Malaysia is our long-standing, very reliable and significant partner – both in general and in South-East Asia," he said during the meeting.

Economic ties between Russia and Malaysia are stable, the Russian President said.

He added that bilateral trade only decreased by an insignificant amount last year and remained good.

"The Intergovernmental Commission should pay attention to this, look for reasons and do everything to get to a positive trend of development," he added.

During the meeting, Putin extended an invitation to His Majesty Sultan Ibrahim, King of Malaysia, to visit Russia.

"I have a big favour to ask.

Please convey my best wishes to your head of state, Sultan Ibrahim. We are waiting for him to visit Russia," Putin told Anwar, the Russian News Agency (TASS) reported.

In a joint press conference, both leaders expressed interest in deepening trade and investment between the two nations.

"We had an extensive discussion, covering a wide spectrum of issues – from education, agriculture, food security, agro-commodities, security and energy to defence," said Anwar.

The Prime Minister also invited the Russian President to attend the Asean Summit in October.

"On behalf of my government, it would be a major prize if we could have President Putin in Malaysia or, at the latest, during the Asean meeting in October," he said.

New fuel prices	
May 15 – May 21	
RON95	RM2.05 (unchanged)
RON97	RM3.07 (-3 sen)
DIESEL	RM2.77 (-3 sen)

Anwar also requested that Russian airlines, including Aeroflot, resume direct flights to Malaysia as soon as possible.

The Malaysian delegation includes Foreign Minister Datuk Seri Mohamad Hasan; Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu; Science, Technology and Innovation Minister Chang Lih Kang; Higher Education Minister Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir and Plantation and Commodities Minister Datuk Seri Johari Abdul Ghani.

Disease behind sky-high pork prices

The local industry's primary woe since 2023 remains its biggest challenge today

By LO TERN CHERN
andylo@thestar.com.my

GEORGE TOWN: African Swine Fever (ASF) is the primary bane of the pig-rearing industry and the leading cause behind the sky-rocketing prices of pork in the market, say farmers.

A 2023 outbreak had caused the number of farms in Penang to shrink by 25% as farmers were forced to cull infected livestock, said Penang Pig Farmers Association chairman Wong Fu Sheng.

"There used to be about 160 farms, but now there are only about 120 still in operation," Wong told *The Star*.

To avoid over-crowding of pigs that could heighten the spread of the virus during an outbreak, the remaining farms are also rearing fewer animals.

"ASF remains the industry's biggest challenge, as many farmers continue to recover from financial losses after their pigs were culled to contain the virus.

"It takes about a year to rear a pig from birth to slaughter," he added.

Besides Penang, thousands of pigs had to be culled in Selangor and Melaka due to the ASF out-



Soaring prices: Butcher Pang, 55, putting up the prices of pork, of which the imported ones are cheaper than local supply. — CHAN BOON KAI/The Star

break, said the Agriculture and Food Security Ministry, which caused supplies of pork to drop and prices to rise.

It was reported that a whole local pig now costs about RM1,800 per 100kg, compared to RM1,300 to RM1,400 per 100kg last year.

nificantly, with only 20,000 to 30,000 pigs left, compared to around 50,000 at their peak.

Rising operating costs, particularly the price of feed, have also contributed to higher pork prices.

"Maize used to cost RM800 per tonne before the Covid-19 pandemic. At the height of the pandemic, the cost soared to RM2,000 per tonne," Wong said.

While imported pork has been considered a short-term solution to address supply shortages, he urged consumers to be cautious and verify the source of their meat.

"Our local farms are strictly monitored with many having transitioned to closed farming systems to tackle environmental pollution, reduce health risks and meet regulatory requirements.

"We need to be aware that there are some countries whose pork products have been banned by health authorities.

"Consumers need to check and ensure that their pork is safe," he said.

Data from the Department of Veterinary Services showed that as of 2023, there were 401 pig farms in Peninsular Malaysia and another 118 in East Malaysia.

Goh Choon Aik, whose constituency is believed to house the highest concentration of pig farms in Penang, said the last outbreak had decimated the local population.

"Since the outbreak of ASF, the pig population has dropped sig-

15/5/2025

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

29

Sistem pengairan sawah Klebang dibina hujung tahun ini

MELAKA: Kira-kira 30 pesawah di Kampung Pinang, Klebang boleh menarik nafas lega apabila kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM43.4 juta untuk mengatasi masalah sistem pengairan.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri, Datuk Dr. Muhammad Akmal Saleh berkata, peruntukan tersebut telah diluluskan Jun tahun lalu dan dijangka mengambil masa selama dua tahun bagi menyiapkan Projek Sistem Pengairan Sawah Padi di Dewan Undangan Negeri (DUN) Klebang.

Beliau mengukir projek tersebut tertangguh sejak tahun 2012 namun kerajaan Persekutuan telah meluluskan semula projek pengairan ini dengan jumlah RM31.5 juta.

"Bagaimanapun, projek ini menghadapi masalah berkaitan isu pengambilan tanah yang memerlukan satu tempoh masa yang agak panjang termasuk tambahan peruntukan sebanyak RM12 juta.

"Alhamdulillah atas usaha Ketua Menteri, Datuk Seri Ab. Rauf Yusoh peruntukan tambahan telah diluluskan untuk


menjadikan keseluruhan kos tersebut sebanyak RM43.4 juta bagi menyelesaikan isu kekurangan air yang dihadapi seluruh pesawah bukan sahaja di Kampung Pinang tetapi di seluruh DUN Klebang," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Beliau mengulas laporan akhbar ini pada 8 Mei lalu mengenai keresahan kira-kira 30 pesawah di Kampung Pinang, Klebang yang meminta kerajaan negeri campur tangan menyelesaikan masalah sistem pengairan yang tidak sempurna di kawasan seluas 145 hektar sehingga menjejaskan proses menanam padi.

Mengulas lanjut, Dr. Muhammad Akmal berkata, bagi mengatasi masalah jangka pendek kerajaan negeri telah memohon daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Melaka dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan peruntukan hampir RM2 juta bagi menepatkan dua pam air bagi mengatasi masalah kekurangan air ke sawah.

"Saya minta semua pesawah bersabar dan masalah yang mereka hadapi sejak sekian lama akan dapat diatasi dengan segera," ujarnya.

PTB 16149, BANDAR PONTIAN KECIL
MUKIM PONTIAN, DAERAH PONTIAN, JOHOR
Koordinat : Latitude : 1.4869285 | Longitude : 103.3905657



**KEDAI PEJABAT
3 TINGKAT**

Saiz Tanah : 2600 - 2845 KPS
Luas Binaan : 5290 KPS

Harga Bumiputera daripada
RM 849,558 - RM 890,630

2 Unit Lot Bumiputera sahaja

KELULUSAN PELAN PHAK BERKUALA:
1/46 dlm. M.P. 16/9755/2024/MOP. 3/29/KTRH/2020/0002

SUMBER KEWANGAN:
REBAS GADAIAN

JENIS PEGANGAN TANAH:
KEVAL

**KEDAI PEJABAT
TIGA
TINGKAT**

Harga Selepas
Diskaun 15%
untuk Bumiputera

Pembelian Bumiputera perlu rujuk ke
Laman Web PKPJ Panmahan
pkpj.johor.gov.my

PKPJ 606/07/307

GROMUTUAL
PAMBE DEVELOPMENT SDN BHD (68425-W)
Pusat Perumahan Komersial, 82000 Pontian, Johor.
www.gromutual.com

07-586 8979
011-1055 8810

Tinggal kerja pelantar demi tanam peria

- Bermula dengan tanam jagung tidak membuahkan hasil
- Kini dia berjaya mempelbagaikan tanaman lain

Oleh MUHAMMAD ZIKRI

PONTIAN – Walaupun memperoleh pendapatan lumayan bekerja di pelantar cari gali minyak, namun minat dalam bidang pertanian telah mengubahnya menjadi seorang petani sepenuh masa.

Mohd. Nazri Bachok, 39, berkata, selama sudah lima tahun berada di atas lautan, namun bekerja di daratan dapat memberi kepuasan kepadanya.

"Ibunya memberinya sebidang tanah untuk diusahakan membuatnya tekad untuk berbudi kepada tanah," ujarnya.

Setelah tidak lagi berkhidmat dengan syarikat cari gali

minyak, saya melabur kira-kira RM100,000 pada tahun 2023 dengan membuka kebun tersebut untuk dijadikan tapak pertanian," ujarnya ketika ditemui di Kampung Peradin, di sini, baru-baru ini.

Tambah Mohd. Nazri, bagi permulaan dia telah menanam pokok jagung manis selama lima musim, namun tidak memberikan pulangan yang baik selain sukar untuk memasarkan hasilnya terus kepada pembeli.

"Percubaan saya bagi kali pertama tidak memberikan banyak keuntungan sebaliknya mengalami kerugian kerana bukan senang untuk menanam jagung terutama soal pemasaran," ujarnya.

Katanya, selepas kegagalan menanam jagung, saya beralih kepada sistem fertigasi gantung pada tahun 2024 dengan beralih kepada tanaman peria katak atau peria bangla, timun dan kacang panjang.

Menurut Mohd. Nazri, bagi tujuan tersebut, dia mengeluarkan

sebanyak RM40,000 lagi penyediaan fertigasi gantung termasuk sistem pengairan, kayu penyokong, peralatan membancuh baja dan sebagainya.

"Alhamdulillah, dengan berkongsi pengetahuan dengan rakan-rakan yang telah berjaya dalam bidang fertigasi gantung, projek pertama tanaman timun sebanyak 2,000 polibeg berjaya meraih pendapatan yang baik.

"Begitu juga dengan tanaman peria katak sebanyak 700 polybag juga mendapat sambutan yang baik peraih sayur-sayuran selain menghantar sendiri ke pasaran di Johor Bahru," jelas Mohd. Nazri anak bongsu daripada lima beradik.

Katanya, selain kedua-dua tanaman tersebut, dia juga menanam kacang panjang.

Ujarnya, dia sekarang sedang menyiapkan tapak tanaman terung bagi memenuhi permintaan daripada pembeli selain mempelbagaikan tanaman di atas tanah yang kosong di belakangnya.



MOHD. NAZRI menyusun buah peria katak atau peria bangla untuk dipasarkan di kebunnya di Kampung Peradin, Pontian baru-baru ini.